

30 APR 1997

Persaraan (Bergambar)

PEMBANTU KHAS DR MAHATHIR BERSARA

KUALA LUMPUR, 30 April (Bernama) -- Seorang Pembantu Khas kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang pernah berkhidmat di bawah tiga Perdana Menteri sebelumnya, hari ini menamatkan perkhidmatannya di Jabatan Perdana Menteri (JPM) selepas bertugas selama 37 tahun lima bulan.

Puan Khamisah Sabdin, 57, merakamkan kad perakam waktunya untuk kali terakhir dengan diiringi Dr Mahathir dan rakan-rakan sepejabatnya.

Menceritakan pengalamannya kepada pemberita, Khamisah berkata beliau menjadi Pembantu Khas kepada Dr Mahathir sejak beliau (Dr Mahathir) mula memegang jawatannya pada 1981.

"Dr Mahathir ialah seorang Perdana Menteri yang penyayang, bertimbang rasa dan senang bergaul dengan kakitangannya," kata Khamisah.

Anak kelahiran Klang itu memulakan khidmatnya di JPM sebagai jurutaip pada 1959 sebelum menjadi jurutrenkang pada 1965.

Beliau bersara wajib pada April 1995 sebelum perkhidmatannya disambung secara kontrak selama dua tahun.

Walaupun hari ini merupakan hari terakhirnya di JPM, Khamisah berkata beliau tetap sibuk dengan kerja termasuk menyiapkan surat-surat yang perlu dihantar kepada ketua-ketua negara asing.

Khamisah yang mempunyai lima anak dan dua orang cucu berkata masa lapangnya kini akan diisi dengan aktiviti seperti membantu suaminya, Encik Yahaya Mohamad, mengendalikan kebun mereka di Langat.

"Saya berasa sedih untuk meninggalkan JPM kerana telah lama bekerja di sini tetapi gembira juga kerana kini mempunyai lebih masa untuk keluarga," kata Khamisah. -- BERNAMA

MAM NMO